

PRINSIP KEADILAN DALAM SISTEM KEHAKIMAN ISLAM : TUMPUAN KHUSUS TERHADAP KONSEP SYAHADAH

Azizah Mohd Rapini ⁱ & Ruzman Bin Md. Noor ⁱⁱ

ⁱ Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Syariah Dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya & Pensyarah Jabatan Undang-undang, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

ⁱⁱ Profesor Madya, Jabatan Syariah Dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Abstrak

Syariah secara umumnya bertujuan untuk memberi keadilan dan rahmat kepada umat manusia. Oleh yang demikian, segala peraturan atau sistem perundangan yang menyimpang dari tujuan umum tersebut adalah bertentangan dengan syariat. Keadilan sebagai salah satu objektif syariah (*maqasid syari'ah*) pula adalah objektif utama didalam sistem kehakiman Islam. Maka untuk merealisasikan keadilan sebagai puncak sistem kehakiman Islam, seseorang hakim hendaklah menjalankan proses penghakiman melalui peraturan dan kaedah pembuktian berlandaskan hukum syarak. Menurut undang-undang keterangan Islam, syahadah merupakan salah satu metode pembuktian yang kuat dan tiada perselisihan ulama mengenainya dari aspek penerimaannya sebagai salah satu alat pembuktian yang paling utama selepas iqrar. Ia melibatkan keterangan seseorang saksi yang bersifat benar tentang hak atau kepentingan orang lain dengan menggunakan lafaz *ashhadu*. Oleh yang demikian, syahadah merupakan salah satu cara untuk menegakkan dan memelihara keadilan dalam sistem kehakiman Islam. Walau bagaimanapun, syahadah dilihat mempunyai ciri-ciri yang agak tegas untuk diaplikasikan melalui syarat-syarat, bilangan dan juga proses *tazkiyah al-shuhud*.

Abstract

Syariah was revealed generally as to achieve justice and rahmah (mercy or compassion) for the believers and mankind. Hence, any legal system which is not in line with those objectives would be considered as against to the principles of syariah and Islamic law. Justice as one of the objective of syariah (*maqasid shari'ah*) is the main objective of Islamic judicial system. Therefore, to obtain justice as the goal of Islamic judicial system, a judge should apply the rules and methodes of proof on their judgemnet based on Islamic legal rulings. According to the Islamic law of evidence, syahadah or testimony is the strongest evidence or method of proof after iqrar (confession). Syahadah means any evidence adduced in court by uttering the expression '*ashhadu*' to establish a right or interest. However, it is known as having strictest conditions to be fulfilled and difficult to be applied with regard to its literal meaning and conditions, numbers of witness and the process of examination of witness (*tazkiyah al-shuhud*). Nevertheless it will always being as the best evidence in order to administer justice even in current days and situations. The article discusses this principle of justice that is in spite of the testimony of syahadah in Islamic judicial system so that the goal can be achieved even when applied in the context of

Walaupun ia dianggap tegas dan sukar untuk diaplikasikan terutama dalam situasi semasa, syahadah sebenarnya mengandungi ciri-ciri keadilan sebagai prinsip asas dalam sistem kehakiman Islam. Maka artikel ini cuba mengupas prinsip-prinsip keadilan yang ada di sebalik pensyariatan syahadah supaya matlamat sistem kehakiman Islam dapat dicapai walaupun diaplikasikan dalam konteks dunia moden.

Kata kunci : *keadilan, sistem kehakiman Islam, syahadah.*

Kata kunci : *justice, islamic judicial system, syahadah.*

PENDAHULUAN

Pelaksanaan sistem perundangan dan kehakiman Islam yang betul dan adil adalah yang diasaskan di atas garis panduan yang ditetapkan oleh Islam serta menepati tujuan atau matlamat syarak. Secara umumnya, seperti juga dalam sistem muamalat, prinsip syariat yang terkandung dalam sistem kehakiman Islam adalah bertujuan untuk kebahagiaan manusia dunia dan akhirat, menjaga maslahah, menolak kerosakan, menghilangkan kemudaratian serta menjaga hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan manusia yang lain.

Ibnu al-Qayyim dalam menjelaskan tentang objektif syarak (*maqasid shari'ah*) menegaskan bahawa syariat terbina atas asas hikmah atau kebijaksanaan untuk kebaikan manusia di dunia dan di akhirat. Syariah secara umumnya juga bertujuan untuk memberi keadilan, rahmat, maslahah atau kebaikan. Oleh yang demikian, segala peraturan atau undang-undang yang menyimpang dari tujuan umum tersebut adalah bertentangan dengan syariat.¹

Keadilan pula merupakan tujuan utama sistem kehakiman Islam. Ini boleh dibuktikan melalui prinsip umum kehakiman yang terkandung dalam firman Allah SWT :

يَتَأَكَّلُهَا الَّذِينَ عَامَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجِرُ مَنْكُمْ شَنَاعُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَّا
تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Al-Maidah 5:8

Terjemahan : Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu untuk tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan

¹Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. *I'lam al-Muwaqi'in* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2004), 3: 5.

bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Walau bagaimanapun, asas keadilan yang terkandung dalam prinsip kehakiman di atas tidak bersifat ketat (*rigid*) kerana prinsip tersebut boleh berubah mengikut suasana, perubahan dan keperluan semasa. Atas asas inilah artikel ini akan menganalisis hubungkait di antara konsep *syahadah* sebagai metode pembuktian menurut hukum syarak dengan konsep keadilan sebagai matlamat utama sistem kehakiman Islam. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak akan menjelaskan secara terperinci konsep *syahadah* keseluruhan seperti rukun, syarat, bilangan atau prosedur pemeriksaan saksi mahu pun kedudukan *syahadah* dalam sistem perundangan semasa.

1.2. Prinsip Keadilan Dalam Sistem Kehakiman Islam : Tumpuan Khusus Kepada Konsep *Syahadah*

Syahadah secara konsepnya menurut perspektif fiqh atau pandangan fukaha yang dijelaskan sebelum ini memperlihatkan nilai dan kualiti yang tinggi sebagai salah satu alat pembuktian menurut sistem kehakiman Islam. Oleh sebab itu ulama telah mengeluarkan pandangan secara berhati-hati dalam setiap aspek *syahadah* sehingga ada pandangan yang dilihat agak ketat dan hampir sukar diaplikasikan terutama pada zaman moden. Sebagai contoh syarat kelayakan seorang saksi yang perlu bersifat '*adil*'² dan tiada hubungan yang meragukan dengan pihak yang memanggilnya sebagai saksi.³ Begitu juga dengan bilangan saksi dalam kebanyakan kes yang memerlukan dua orang saksi lelaki yang '*adil*' terutama dalam kebanyakan kes jenayah dan kes-kes sivil.⁴ Walau bagaimanapun ini tidak bermakna prinsip pembuktian dalam Islam tidak bersifat toleransi atau tidak bersifat adil untuk sesetengah situasi. Pandangan-pandangan ulama terhadap cabang-cabang perbincangan *syahadah* adalah berdasarkan kefahaman mereka terhadap dalil-dalil syarak secara langsung atau tidak langsung dengan mengambil kira juga '*uruf*'⁵ dan prinsip maslahah⁶ serta prinsip keadilan yang menjadi matlamat utama sistem kehakiman Islam.

² Undang-undang keterangan mahkamah syariah di Malaysia mendefinisikan istilah '*adil*' sebagai sebagai seorang Islam yang menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil. Lihat seksyen 83 (1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Definisi tersebut selari dengan definisi *adil* yang diberikan oleh al-Sharbini dalam *Mughni al-Muhtaj*. Lihat Muhammad al-Khatib al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006), 6:371.

³ Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 69.

⁴ *Ibid.*, 75

⁵ Secara umumnya '*uruf*' boleh didefinisikan sebagai kebiasaan amalan dalam masyarakat keseluruhan atau pun perkataan yang biasa digunakan oleh mereka dalam komunikasi harian, lihat Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1996), 2:828.

1.2.1 Keadilan Menurut *Maqasid Shari'ah*

Setiap penciptaan Allah ada hikmah dan tujuannya dan adalah mustahil bagi Allah menjadikan sesuatu perkara tanpa arah tuju dan matlamatnya. Hikmah dan tujuan inilah yang dimaksudkan sebagai *maqasid shari'ah* atau objektif syarak.⁷ Secara umumnya *maqasid* atau objektif syariah boleh ditafsirkan sebagai menarik kebaikan (*jahl al-masalah*) dan menolak merosakan (*dar'u al-mafsadah*).⁸ Maslahah pula menurut Imam al-Ghazali boleh diibaratkan sebagai menarik manfaat (*jahl al-manfa'ah*) dan menolak kemudaran (*daf'u mudarrah*). Kedua-dua konteks maslahah ini merupakan matlamat syarak yang secara umumnya bertujuan memelihara lima perkara asas kehidupan meliputi agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.⁹

Mengetahui *maqasid shari'ah* adalah sangat penting untuk memahami nas-nas syarak dengan cara yang sebenar. Begitu juga bagi tujuan mengeluarkan hukum melalui dalil-dalil yang muktabar dengan cara betul. Seseorang mujahid bukan hanya perlu memiliki kemahiran melihat makna literal di sebalik dalil-dalil syarak, tetapi juga perlu mengetahui rahsia-rahsia di sebalik pensyariatan serta tujuan umum atau *maqasid shari'ah* dari hukum-hukum syarak supaya boleh memahami nas dan mentafsirkannya dengan cara yang selamat di samping dapat mengeluarkan hukum yang selari dengan matlamat syarak.¹⁰

Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah menjelaskan bahawa syariat dibina atas asas kemaslahatan hidup manusia di dunia dan akhirat. Kemaslahatan tersebut merangkumi prinsip keadilan, rahmah, maslahah, hikmah dan segala yang bertentangan dari empat prinsip tersebut bukan datang dari syariat.¹¹ Ibnu Farhun dalam menjelaskan maksud *siyasah 'adilah* telah membezakannya dengan *siyasah zalimah*. Maksudnya keadilan dari segi istilahnya lawan kepada kezaliman. Beliau menegaskan *siyasah 'adilah* atau pemerintahan dan pentadbiran yang adil akan mengembalikan hak pihak yang dizalimi di samping menghapuskan segala bentuk kezaliman, membanteras kerosakan bagi mencapai maksud syariat atau

⁶ Istilah maslahah boleh didefinisikan sebagai sebarang perkara yang membawa kepada kebaikan dan menolak kemudaran dalam hidup manusia merangkumi agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta benda, lihat Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Beirut: Darul Fikr, 1996), 2:769.

⁷ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, *Maqasid al-Shariah*: Satu Pengenalan, dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzie Abdul Aziz, *Maqasid al-Syariah* (Selangor: Penerbit UIAM, 2012).¹

⁸ Ibnu 'Ashur, *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Salam, 2009), 70.

⁹ Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ghazali, *al-Mustasfa Min 'Ilmi al-Usul*, Jilid 1 (Beiru: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1993), 286. Al-Shatibi menyusun lima perkara utama yang dipelihara oleh syarak iaitu agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Lihat Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati al-Shatibi, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*, (Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 1:15.

¹⁰ Abdul Karim Zaydan, *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, (Baghdad: Maktabah al-Qudus, 1976), 378.

¹¹ Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqi'in*, (Kaherah: Dar al-Hadith, 2004), 2:5.

maqasid shari'ah. Ini kerana syariah akan sentiasa memelihara hak-hak manusia dan menutup pintu-pintu kezaliman dan kerosakan.¹² Mohammad Hashim Kamali telah merumuskan bahawa objektif syariah boleh dibahagi kepada tiga iaitu mendidik individu, menegakkan keadilan dan memelihara kepentingan umum (*al-maslahah*). Matlamat yang ketiga itu yang sebenarnya merangkumi objektif atau matlamat yang pertama (mendidik individu) dan kedua (keadilan) dan gabungan semuanya sangat berkaitan dengan kemaslahatan manusia dunia dan akhirat.¹³

Manakala istilah keadilan yang berasal dari perkataan adil boleh ditakrifkan sebagai satu sifat bagi perbuatan berdasarkan pertimbangan yang wajar atau berpatutan, tidak memihak ke mana-mana atau tidak membuat sesuatu keputusan dengan sewenang-wenangnya.¹⁴ Al-Shatibi menyamakan maksud keadilan sebagai pertengahan atau keseimbangan dan tidak berpihak kepada sesiapa melalui apa sahaja cara yang tidak menimbulkan kesukaran atau penyelewengan.¹⁵ Abdul Karim Zaydan menyifatkan keadilan sebagai prinsip utama yang membawa kemaslahatan manusia pada setiap masa dan tempat dalam semua perkara terutama dalam konteks kehakiman.¹⁶

Mohammad Hashim Kamali menjelaskan istilah '*adl*' atau *qist* (keadilan) merupakan objektif utama bagi syariah dalam konteks hak dan disebut acap kali di dalam al-Quran. '*Adl*' boleh dertiakan sebagai meletakkan sesuatu di tempat yang wajar atau sesuai sebagai objektif asas bagi mewujudkan keseimbangan di antara hak dan kewajipan supaya kemudaratan atau kezaliman dapat dihindarkan. Beliau menambah lagi bahawa istilah '*adl*' merupakan salah satu manifestasi maslahah yang juga sangat sinonim dengan istilah *maqasid shari'ah*.¹⁷ Konsep keadilan dalam Islam bukan sahaja terhad dalam sistem kehakiman sahaja malah ia meliputi semua aspek kehidupan termasuklah keadilan individu, sosial mahu pun dalam konteks hubungan antarabangsa¹⁸ sejajar dengan firmah Allah SWT yang telah meletakkan prinsip keadilan sebagai asas kehidupan:

¹²Ibnu Farhun, *Tabṣirah al-Hukkam Fi Usul al-Aqdiyah wa Manahij al-Ahkam*, (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 1:115.

¹³Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, (Selangor: Ilmiah Publishers Sdn Bhd. 2009), 397.

¹⁴Kamus Dewan. Edisi Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997),8.

¹⁵ Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Ghamati al-Shatibi, *al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*,(Beirut: Dar al-Fikr, 1981), 1:110.

¹⁶ 'Abdul Karim Zaydan, *al-Madkhāl Li al-Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Baghdad: Maktabah al-Qudus, 1989), 48.

¹⁷Mohammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence* (Subang Jaya: Ilmiah Publishers sdn. Bhd, 2009),396.

¹⁸Mohamad Akram Laldin, *Shariah & Islamic Jurisprudence*, (Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd, 2011), 33.

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا إِلَيْنَاهُ مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُولَّا النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنَّزَلْنَا
الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرَسُولُهُ بِالْعَيْنِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ

عزِيزٌ

Al-Hadid 57: 25

Terjemahan: Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan Kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia (dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (menggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan ugama Allah serta menolong Rasul-rasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

1.2.2 Prinsip Keadilan Dalam Sistem Kehakiman Islam

Istilah kehakiman atau *al-qada'* boleh ditakrifkan sebagai menghukum di antara beberapa orang yang bertikai berdasarkan undang-undang Islam dengan cara-cara yang tertentu.¹⁹ Apa yang dimaksudkan sebagai 'cara-cara tertentu' ialah cara atau tatacara mengemukakan dakwaan kepada hakim, peraturan dan syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh hakim serta pihak-pihak yang bertikai dalam prosiding dan kaedah-kaedah pembuktian untuk membuktikan hak dan menolak dakwaan. Tatacara atau prosedur yang tersebut mestilah berlandaskan hukum syarak atau undang-undang Islam (*al-qanun al-islami*)²⁰. Oleh yang demikian sistem kehakiman Islam bolehlah dirumuskan sebagai satu sistem yang menggariskan peraturan-peraturan berkaitan prosiding di mahkamah bermula dari adab atau etika hakim, kaedah pendakwaan, pembuktian dan penghakiman berlandaskan undang-undang Islam atau hukum syarak.

Manakala istilah keadilan yang berasal dari perkataan adil, dalam konteks sistem kehakiman boleh ditakrifkan sebagai satu sifat bagi perbuatan berdasarkan pertimbangan yang wajar atau berpatutan, tidak memihak ke mana-mana atau tidak membuat sesuatu keputusan dengan sewenang-wenangnya.²¹

Ibnu Farhun menyatakan bahawa hikmah atau tujuan sistem kehakiman Islam adalah untuk membanteras kekacauan, menolak bala bencana, mencegah kezaliman, membantu pihak yang dizalimi, menyelesaikan pertikaian, menyuruh

¹⁹ Abdul Karim Zaydan, 13.

²⁰ Ibid.

²¹ Kamus Dewan. Edisi Ketiga (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1997), 8.

membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran.²² Ibnu Qudama pula menegaskan bahawa perbicaraan oleh seorang hakim merupakan satu cara untuk menegakkan perkara makruf dan menentang kemungkaran, membantu pihak yang dizalimi, menakutkan pihak yang zalm dari terus melakukan kezaliman, mengembalikan hak kepada yang berhak, mendamaikan pertikaian sesama manusia dan menghukum dengan kebenaran kerana Allah sangat mengasihi mereka yang membicarakan sesuatu kes secara adil.²³ Oleh yang demikian, untuk merealisasikan hikmah dan tujuan ini, seseorang hakim mestilah menghukum dengan adil melalui kesungguhan, keazaman dan tekad untuk menjalankan hukuman dengan adil secara berkesan dan hendaklah mendengar dakwaan-dakwaan dari mula ia dikemukakan sehingga keputusan dikeluarkan berlandaskan kaedah-kaedah pendakwaan serta cara-cara pembuktian yang selari dengan hukum syarak.²⁴

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمْنَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعْلَمُ كُم بِهِ﴾ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Al-Nisa 4:58

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan Segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.

Satu prinsip penting yang dijelaskan oleh ulama tafsir dari ayat di atas iaitu menghukum atau memutuskan sesuatu dengan adil merupakan salah satu prinsip utama hukum syarak.²⁵ Malah, menegakkan keadilan merupakan satu kewajipan dalam kehidupan bermasyarakat bagi mengelakkan sebarang bentuk penindasan di samping mewujudkan keamanan serta kestabilan.²⁶

Al-Shawkani menjelaskan ayat 58 Surah Al-Nisa' tersebut sebagai 'ibu' kepada hukum-hukum syarak atau dengan perkataan lain ia merupakan satu prinsip utama hukum syarak dalam konteks tanggungjawab dan amanah. Ayat tersebut secara umumnya memberikan garis panduan kepada pemerintah dan hakim bagi menunaikan tanggungjawab dengan penuh amanah, tidak bersikap zalm dan sentiasa bersikap adil dalam memutuskan sesuatu perkara. Manakala

²²Ibnu Farhun, *Tabṣīrah al-Hukkam Fi Usul al-Aqdiyah wa Mañahij al-Ahkam*, (Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 1:13.

²³Ibnu Qudama, *al-Mughnī*, (Beirut : Dar al-Fikr, 1994), 11:374.

²⁴'Abdul Karim Zaydan, 21.

²⁵ Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir*, (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1996), 1: 406.

²⁶Muhammad 'Ali al-Sayis, *Tafsir Ayat al-Ahkam*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 1:118.

dalam konteks individu ayat tersebut menyeru manusia untuk sentiasa bersikap amanah dan bebas dari sebarang keraguan serta syak wasangka (tohmah) semasa menyampaikan kesaksian atau memberikan keterangan. Istilah ‘adil’ dalam ayat tersebut memberikan maksud memutuskan sesuatu perkara terutama dalam penghakiman dengan berdasarkan al-Quran dan Sunnah, bukan dengan akal semata-mata melainkan tidak dijelaskan secara terperinci dari kedua-dua nas tersebut. Penggunaan akal atau ijтиhad di kalangan hakim adalah dibenarkan dengan syarat dia mengetahui hikmah atau tujuan pensyariatan asalkan ianya dikendalikan dengan cara yang betul untuk mendapatkan kebenaran tatkala ketiadaan nas yang terang dalam al-Quran mahu pun hadith. Seseorang hakim yang tidak mengetahui hukum syarak melalui al-Quran dan hadith serta tidak memahami hikmah mensyariatan, maka dia tidak akan dapat merealisasikan prinsip keadilan dalam penghakimannya disebabkan kelemahannya mengemukakan hujah berdasarkan sumber yang sebenar.²⁷

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَنَا اللَّهُ وَلَا تَكُنْ لِّلْخَائِنِينَ

١٥
خَصِيمًا

Al-Nisa 4: 105

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya Engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah Engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.

Apa yang dimaksudkan sebagai ‘menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu’ ialah menghukum atau memutuskan sesuatu berdasarkan wahyu atau nas-nas syarak iaitu al-Quran dan hadith, bukan dengan pandangan akal atau nafsu semata-mata. Perkataan ‘ara’ dalam ayat tersebut bukan memberi makna literal ‘melihat’ menggunakan mata, tetapi lebih memberi maksud ‘wahyu’ kerana hukum tidak boleh dilihat dengan mata, tetapi ia perlu diteliti dan dikaji berdasarkan sumber-sumber yang diajar atau ditunjuk oleh Allah SWT.²⁸

سَمَّعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّحْطَةِ فَإِنْ جَاءُوكَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ أَوْ أَغْرِضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٦﴾

Al-Maidah 5: 42

²⁷ Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad al-Shawkani, *Fath al-Qadir*, (Beirut: Dar al-Ma’rifah, 1995), 1: 613.

²⁸ *Ibid*, 652.

Terjemahan: Dan jika Engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

Perkataan ‘al-qist’ dalam ayat di atas ditafsirkan oleh ulama sebagai kebenaran dan keadilan, manakala kezaliman pula adalah lawan dari maksud ‘al-qist’ tersebut.²⁹ Ayat tersebut juga mengingatkan bahawa Allah sangat menyukai mereka yang menghukum sesama manusia secara adil terutama para hakim yang menggunakan prisip keadilan seperti yang diajar oleh Allah melalui kitabnya al-Quran dan juga hadith Rasulullah SAW.³⁰

Ibnu al-Qayyim dalam kitabnya *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi Siyasah al-Shar'iyyah* dalam menjelaskan pra-syarat untuk menjadi seorang hakim, selain dari mempunyai pengetahuan mendalam tentang fiqh, kaedah-kaedah pembuktian dan ilmu yang berkaitan dengan masyarakat atau sosiologi, dia juga mesti mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang hikmah-hikmah syariah atau objektif syariah atau dikenali sebagai *maqasid shari'ah* yang secara umumnya adalah untuk mencapai kemaslahatan hidup di dunia dan di akhirat dan untuk mencapai keadilan.³¹ Dalam kitabnya yang lain, *I'lam al-Muwaqi'in*, beliau juga menegaskan bahawa hakim yang adil bukan setakat menghukum berdasarkan hukum syarak tetapi juga menghukum dengan mengambil kira objektif syariah atau pun maslahah.³² Firman Allah SWT :

وَأَذْكُرْ عِبَدَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولَى الْأَئِمَّةِ وَالْأَبْصَرِ ﴿٤٥﴾

Al-Sad 38: 45

Terjemahan: Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba-hamba kami: Nabi Ibrahim dan Nabi Ishak serta Nabi Yaakub, yang mempunyai kekuatan (melaksanakan taat setianya) dan pandangan yang mendalam (memahami ugamanya).

Berdasarkan ayat di atas, Ibnu al-Qayyim telah mentafsirkan istilah *al-aydi* itu sebagai kekuatan yang perlu ada bagi seseorang hakim melaksanakan hukum Allah manakala istilah *al-absar* ditafsirkan sebagai memahami rahsia agama.³³ Ini bermakna adalah tidak memadai bagi seseorang hakim menghukum sesuatu kes hanya bersandarkan undang-undang substantif atau fiqh semata-mata, tapi juga perlu mengambil kira aspek objektif syarak supaya matlamat keadilan dalam sesuatu penghakiman dapat direalisasikan.

²⁹ Muhammad 'Ali al-Sabuni, 519, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, (Kaherah: Dar al-Salam, 2007), 4:2888.

³⁰ Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, (Kaherah: Dar al-Salam, 2007), 4:2888..

³¹ Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, *al-Turuq al-Hukmiyyah Fi Siyasah al-Shar'iyyah* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2002), 10.

³² Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqi'in*, (Kaherah: Dar al-Hadith, 2002), 1:78.

³³*Ibid.*

Ibnu 'Ashur dalam menjelaskan kedudukan *maqasid shari'ah* dalam konsep penghakiman dan kesaksian menyatakan seseorang hakim perlu menjelaskan keterangan-keterangan yang menyokong penghakimannya semasa memutuskan kes dan hendaklah seboleh mungkin mempastikan tiada kemudaratan yang akan timbul dalam mengaplikasikan hukum syarak.³⁴ Pandangan ini hampir menyamai pandangan Ibnu al-Qayyim. Malah, Ibnu 'Ashur turut menegaskan bahawa objektif syarak atau *maqasid shari'ah*, melalui matlamat asas menjaga maslahah dan menolak kemudaratan bukan sahaja menjadi salah satu asas rujukan dalam penghakiman, malah aspek tersebut juga perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dengan penggubalan dan pelaksanaan undang-undang terutama yang berkaitan dengan prosedur dan keterangan.³⁵

Secara umumnya, dalam merealisasikan konsep keadilan dalam sistem kehakiman Islam, segala prosedur yang berkaitan hendaklah bermatlamatkan untuk menegakkan hak dan menghapuskan kebatilan sama ada secara langsung atau tidak langsung³⁶ sebagaimana prinsip yang terkandung dalam hadith daripada Umi Salamah: Rasulullah SAW bersabda:

إنكم تختصرون إلى ولعل بعضكم أن يكون أحن بحجه من بعض. فأقضي له على نحو ما أسمع منه فمن قطع له من حق أخيه شيئاً، فإنما أقطع له من النار.

Terjemahan: Kamu telah bertikai di hadapanku, mungkin ada di antara kamu yang lebih petah berhujah dari yang lain lalu aku menghukum berdasarkan apa yang aku dengar daripadanya. Sesiapa yang telah aku hukumkan baginya hak saudaranya darinya, kerana aku telah memotong baginya sekeping api neraka.³⁷

Hadith di atas telah memberikan satu prinsip utama dalam sistem penghakiman bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan serta mengenalpasti hak dan kebenaran adalah melalui keterangan-keterangan pihak-pihak yang bertikai.³⁸ Mahmud Saedon dalam menghuraikan hadith di atas turut menegaskan kepentingan keterangan untuk mengenalpasti pihak mana yang benar dan untuk mencegah berlakunya kezaliman disebabkan terpengaruh dengan kepetahanan salah satu pihak berhujah.³⁹

Begin juga dengan hadith : Daripada Ibnu Abbas: Rasulullah SAW bersabda:

لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدُعَاهُمْ، لَادْعُى النَّاسُ دُمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالٍ. وَلَكِنَ الْيَمِينَ عَلَى الْمَدْعِي عَلَيْهِ

³⁴ Ibnu 'Ashur, *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah* (Kaherah: Dar al-Salam, 2009), 219.

³⁵ *Ibid*, 220.

³⁶ *Ibid*.

³⁷ Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim (Kitab al-Aqdiyah), Bab al-Hukmu bi al-Zahir wa lahu bi al-hujjah, no.Hadith 1713 (Kaherah: Dar al-Hadith, 2001), 245.

³⁸ Ibnu 'Ashur, 220.

³⁹ Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1991), 6.

Terjemahan: Jika manusia diberikan segala dakwaannya, nescaya mereka akan mendakwa darah dan harta orang lain, tetapi sumpah atas pihak yang didakwa.⁴⁰

Selain dari menjadikan *maqasid shari'ah* sebagai dasar penghakiman, seseorang hakim juga perlu menjelaskan sumber mazhab yang digunakan dalam penghakimannya bagi menyerlahkan lagi keadilan dalam penghakiman dengan mengembalikan hak kepada pihak yang benar-benar berhak.⁴¹

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa keadilan yang menjadi tujuan utama sistem kehakiman Islam merupakan salah satu objektif syariah yang utama dalam perbahasan ilmu *maqasid shari'ah*. Manakala bagi seseorang hakim atau sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung dalam proses penghakiman atau prosiding di mahkamah hendaklah memberikan perhatian kepada aspek *maqasid shari'ah* sebagai dasar tanggungjawab ke arah mewujudkan institusi kehakiman yang lebih berkualiti di samping rujukan sumber berbentuk *shakli*⁴² atau *fiqh*. Dan salah satu cara bagi institusi kehakiman itu ditadbir dengan adil selari dengan *maqasid shari'ah*, seseorang hakim perlu memahami dan mengenalpasti kaedah pembuktian yang boleh membantu hakim mencapai objektif tersebut. *Syahadah* atau kesaksian pula merupakan salah satu kaedah pembuktian yang sangat kuat selain *iqrar* yang sangat membantu hakim untuk mengenalpasti hak dan kebenaran dalam sesuatu pertikaian yang secara tidak langsung membantu hakim merealisasikan matlamat syarak.

⁴⁰ Hadith riwayat Muslim, Sahih Muslim (Kitab al-Aqdiyah), Bab al-Yamin 'ala al-Mudda'a 'alayh, no.Hadith 1711 (Kaherah: Dar al-Hadith, 2001), 243. Lihat Ibnu Hajar al-Asqalani, Bulughul Maram, Bab al-Da'wawa al-Bayyinat, no. Hadith 1436 (Surabaya: Sahabat Ilmu, t.t), 291. Hadis di atas menurut Imam Nawawi merupakan prinsip hukum syarak yang sangat penting dalam pendakwaan untuk tidak menerima sebarang dakwaan tanpa keterangan dan sumpah boleh dikemukakan untuk menafikan sebarang dakwaan.

⁴¹ Ibnu 'Ashur, 230.

⁴² Secara umumnya *shakli* merujuk kepada pendekatan ijtihad berasaskan prinsip fiqh semata-mata yang lebih menitikberatkan isu bagaimana sesuatu hukum itu dikeluarkan dari sumber-sumber syarak atau lebih mementingkan format seperti yang terdapat dalam pendekatan *qiyas*. Isu '*shakli*' banyak dibincangkan dalam isu menentukan hukum dan memahami sesuatu nas tanpa mengenepikan pendekatatan *maqasidi* atau berasaskan *maqasid shari'ah* dan maslahah. Menentukan sesuatu hukum atau memahami nas menggunakan pendekatan *shakli* semata-mata atau pun berasaskan pendekatan fiqh dan Usul Fiqh tanpa mengambil kira ruh atau objektif syariat secara umum (*maqasid shari'ah*) boleh mengakibatkan sesuatu hukum atau ketetapan sukar diaplikasikan atau mungkin kurang relevan dengan situasi semasa terutama dalam konteks dunia moden. Lihat Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Maqasid Al-Shari'ah: Satu Pengenalan dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud & Akhtarzaite Abdul Aziz, *Maqasid Al-Syari'ah* (International Islamic University Malaysia: IIUM Press, 2012), 39. Lihat juga Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, "Ijtihad, Taqlid dan Talfiq Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah" (makalah Seminar Taqlid, Ijtihad Dan Talfiq: Skop, Amalan Dab Batasan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 12-13 November 2009), 5.

1.2.3 Prinsip Keadilan Dalam *Syahadah*

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa untuk merealisasikan keadilan sebagai puncak sistem kehakiman Islam, seseorang hakim hendaklah menjalankan prosiding melalui prosedur pendakwaan dan pembuktian yang berlandaskan hukum syarak. Dan ulama telah mengiktiraf *syahadah* sebagai salah satu kaedah pembuktian yang sangat penting dan kuat dalam sistem pembuktian Islam.⁴³ Ibnu Qudama sendiri pernah menegaskan bahawa penerimaan *syahadah* sebagai alat pembuktian adalah untuk mengelakkan berlakunya kemudaratan atau penganiayaan sekiranya tiada saksi dikemukakan atau pun tiada saksi yang tampil untuk memberikan keterangan bagi menjelaskan sesuatu hak atau kepentingan.⁴⁴ Oleh yang demikian, *syahadah* merupakan salah satu cara untuk menegak dan memelihara keadilan dalam sistem kehakiman Islam.

Firman Allah SWT :

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا كُونُوا قَوَّمِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلُوْا أَوْ تُعرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴾
١٣٥

Al-Nisaa' 4:135

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaualah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Ayat di atas telah menjelaskan prinsip keadilan sebagai matlamat utama menyampaikan *syahadah* melalui tatacara yang betul tanpa memihak kepada sesiapa serta tidak menyembunyikan kesaksian. Ibnu Kathir mentafsirkan perkataan *al-qist* sebagai adil iaitu tidak berpihak kepada sesiapa atau bersikap ‘natural’ semasa memberikan kesaksian, mengemukakan fakta yang benar serta tidak menyeleweng atau berbohong walaupun berhadapan dengan sebarang ancaman dan bahaya.⁴⁵ Tafsiran yang lebih kurang sama diberikan oleh al-Tabari yang menegaskan bahawa dengan keadilanlah kebenaran dapat ditegakkan,

⁴³Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, (Damshiq: Dar al-Fikr, 1997),8:6027.

⁴⁴ Ibnu Qudama, *al-Mughni wa Sharhu al-Kabir* (Kuwait: Dar al-Fikr, 1994),12: 5.

⁴⁵ Ibnu Kathir, *Tafsir al-Quran al-Azim*, (Madinah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam, 1993),1:535.

kepalsuan dapat dihapuskan dan dengan keadilan juga kemaslahatan manusia terpelihara. Sifat adil yang dimaksudkan dalam ayat ini juga tidak hanya terbatas kepada saksi, tetapi yang paling utama ialah hakim sebagai personel utama dalam sistem kehakiman untuk sentiasa bersikap adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak dalam sesuatu pertikaian.⁴⁶ Tafsiran yang sama dijelaskan oleh Imam al-Shawkani tentang keperluan bersikap adil bukan sahaja untuk para saksi (*shuhada'*), bahkan para hakim juga diingatkan supaya tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bertikai semasa mendengar hujah mereka sebagai merealisasikan maksud *al-qist* atau adil dalam ayat tersebut.⁴⁷ Al-Shawkani menegaskan larangan bersikap berat sebelah dalam menyampaikan kesaksian bagi pihak kaum keluarga adalah kerana kewujudan tohmah atau syak wasangka disebabkan perasaan kasih sayang dan sikap taasub. Oleh sebab itulah sebaik-baik *syahadah* ialah *syahadah* dari pihak yang tiada pertalian hubungan kerana ia bebas dari sebarang unsur keraguan dan syak.⁴⁸

Al-Kasani dalam menjelaskan hubungkait di antara *syahadah* dengan ayat 135 Surah al-Nisa' tadi menegaskan bahawa *syahadah* disyariatkan bertujuan untuk menjaga hak-hak hamba dan oleh kerana memelihara hak hamba merupakan satu kewajipan, maka Allah SWT menetapkan hukum supaya tidak menyembunyikan kesaksian atau enggan menjadi saksi.⁴⁹ Berbeza dengan hak Allah yang melibatkan hudud maka menyembunyikan kesaksian itu adalah lebih baik.⁵⁰

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاعُ قَوْمٍ عَلَىٰ أَلَا
تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Al-Maidah 5:8

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Konsep adil dalam ayat dia atas merupakan kesinambungan dari ayat 135 Surah Al-Nisa' sebelum ini yang memberikan pinsip yang sama dalam kesaksian dan kehakiman. Al-Tabari dalam tafsirannya menjelaskan bahawa perasaan benci

⁴⁶ Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari, 2591.

⁴⁷ Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani, 668.

⁴⁸ *Ibid*, 667.

⁴⁹ Surah al-Baqarah 2: 282-283.

⁵⁰ Al-Kasani, 4061.

dan permusuhan tidak boleh menjadi penghalang kepada seseorang hakim untuk terus bersikap adil sebagai tanda taat kepada Allah SWT.⁵¹

Muhammad 'Ali al-Sayis dalam mentafsirkan ayat 8 Surah Al-Maidah tersebut telah merumuskan dua prinsip penting berkaitan hukum kesaksian dan kehakiman iaitu wajib menyampaikan kesaksian dengan cara yang betul tanpa berat sebelah atau tidak menzalimi mana-mana pihak. Manakala prinsip yang kedua ialah wajib bersikap adil dalam segala urusan sama ada dengan pihak yang disukai atau yang dibenci.⁵²

وَلَا يَأْبَ الشَّهِدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Al-Baqarah 2: 282

Terjemahan: Dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi.

وَلَا تَكُنُمُوا الشَّهَدَةَ وَمَن يَكْتُمُهَا فَإِنَّهُ عَاتِمٌ قَلْبُهُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ

Al-Baqarah 2: 283

Terjemahan: Dan janganlah kamu (Wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

Begitu juga halnya dengan dua ayat di atas yang memberikan beberapa prinsip dalam bentuk larangan dalam penyampaian *syahadah* supaya tidak menyembunyikan kesaksian atau keterangan dan tidak menguzurkan diri untuk menyampaikan kesaksian tanpa alasan-alasan yang sah menurut hukum syarak. Kedua-dua larangan tersebut tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memelihara keadilan melalui penggunaan *syahadah* dalam sistem kehakiman Islam. Berbeza dalam kes-kes hudud walapun ia merupakan hak Allah, menyembunyikan kesaksian adalah lebih digalakkan bagi memelihara kehormatan atau maruah sesama Islam dan secara tidak langsung galakan ini juga menggambarkan betapa *syahadah* menitikberatkan soal keadilan supaya tidak ada mana-mana pihak yang terjejas maruahnya melalui *syahadah*.

Syahadah merupakan metode pembuktian utama dalam sistem pembuktian Islam yang boleh sampai ke tahap *yaqin*, selain pembuktian melalui *iqrar*. Oleh sebab itu, penggunaan *syahadah* sebagai alat pembuktian tanpa mengabaikan seluruh konsepnya bermula dari definisi, rukun, syarat, bilangan, proses pemeriksaan saksi,⁵³ perlu dikendalikan secara berhati-hati dan pada masa yang

⁵¹Al-Tabari, 2771.

⁵²Muhammad 'Ali al-Sayis, 184.

⁵³ Mahmud Saedon A. Othman dalam bukunya Undang-undang Keterangan Islam telah menghuraikan secara panjang lebar berkaitan saksi bermula dari definisi, rukun, syarat, bilangan

sama juga mengambil kira aspek maslahah dan keadilan. Oleh kerana metode ini boleh mencapai keyakinan tanpa keraguan atau *beyond shadow of doubt*, syarak telah menetapkan satu formula yang sangat penting membuktikan prinsip keadilan sebagai salah satu ciri *syahadah* melalui hadith:

ادرء الحدود بالشبهات

Terjemahan: Tolaklah hudud apabila timbul keraguan.⁵⁴

Syarat-syarat yang agak ketat dalam *syahadah* terutama dalam syarat penerimaan (*tahammul*)⁵⁵ adalah tidak lain dan tidak bukan bertujuan memelihara keadilan melalui pembuktian yang jauh dari sebarang keraguan bagi mengelakkan berlakunya kesilapan atau kekhilafan dalam penghakiman. Oleh sebab itulah kesaksian dalam Islam sangat mementingkan kualiti dan kuantiti saksi semata-mata untuk memelihara keadilan semua pihak dalam sesuatu kes⁵⁶ berbeza dengan prinsip kesaksian dalam sistem perundangan sivil dan *common law* yang lebih menekankan sejauh mana seseorang saksi dipercayai walaupun hanya seorang dan boleh memahami soalan-soalan yang dikemukakan di samping boleh menjawab soalan dengan rasional.⁵⁷ Prinsip mementingkan kualiti dan kuantiti saksi dalam perundangan Islam adalah sangat penting terutama dalam kesalahan jenayah hudud seperti yang tersebut dalam hadith:

ادرء الحدود عن المسلمين ما استطعتم، فإن وجدتم لل المسلم مخرجا فخلوا سبيله، فإن الإمام إن يخطئ في العفو
خير من أن يخطئ في العقوبة

Terjemahan: Tolaklah hudud semampu yang boleh, dan sekiranya ada jalan bagi seseorang Muslim untuk dibebaskan dari hukuman, maka lepaskanlah ia, maka sesungghunya adalah lebih baik dari seseorang hakim tersalah memberikan kemaafan dari tersalah menghukum seseorang.⁵⁸

Prinsip pembuktian di atas, menurut Mohammad Hashim Kamali merupakan satu bentuk maslahah atau *maqasid shari'ah* dalam undang-undang jenayah Islam supaya mana-mana pihak yang tidak bersalah dibebaskan di

dan proses pemeriksaan saksi atau *tazkiyah al-shuhud*, lihat Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, 55.

⁵⁴ Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali Ibnu Muhammad, Nayl al-Awtar , Jilid 4, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t),105.

⁵⁵Syarat *tahammul* ialah syarat penyampaian kesaksian yang secara umumnya mestilah saksi itu seorang Islam, baligh, berakal, merdeka, kuat ingatan, '*adil*, tiada tohmah, bermaruah, boleh bercakap dan boleh melihat. Lihat Mahmud Saedon, Undang-undang Keterangan Islam, 64.

⁵⁶ Amir Husin Mohd Nor, Zuliza Kusrin & Che Maryam ahmad, "Kesaksian Dalam Undang-undang Keterangan Islam" dalam Siti Zalikha Md. Nor et. Al, *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006), 51.

⁵⁷Seksyen 118 Akta Keterangan 1950.

⁵⁸ Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husin bin 'Ali, *al-Sunan al-Kubra*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 10: 413.

peringkat awal prosiding dan risiko kemudaratan di pihak yang tidak bersalah dapat dielakkan.⁵⁹ Malah, dalam kes hudud, penetapan empat orang saksi dalam kes zina bukan sahaja perlu dilihat sebagai satu keperluan prosiding, bahkan ia merupakan satu gambaran betapa Allah menggalakkan supaya kes zina perlu ditutup atau dirahsiakan melalui penetapan bilangan saksi serta syarat yang hampir mustahil dikemukakan.⁶⁰ Ini merupakan satu bentuk keadilan yang terdapat dalam hukum syarak supaya maruah seseorang tidak tercemar dalam kehidupan masyarakat.

Firman Allah SWT :

وَاسْتَشِهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِنْ تَرْضَوْنَ مِنْ أَلْشَهَدَاءِ أَنْ تَضَلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرٌ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى

Al-Baqarah 2:282

Terjemahan: Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi.

Berdasarkan ayat di atas, penetapan bilangan dua orang saksi wanita yang menyamai status bilangan seorang saksi lelaki dalam urusan jual beli atau kes melibatkan harta, bukanlah bermaksud untuk membezakan taraf di antara dua jantina atau merendahkan martabat kaum wanita. Pensyariatan bilangan tersebut adalah disebabkan wanita pada zaman ayat ini diturunkan tidak terdedah dengan urusan luar rumah berbentuk sivil atau muamalat menyebabkan mereka kurang pengetahuan dan pengalaman dalam urusan tersebut, berbanding kaum lelaki.⁶¹ Walau bagaimanapun dalam perkara-perkara yang hanya diketahui oleh wanita sahaja seperti penyakit-penyakit yang berkaitan dengan sakit puan atau kelahiran dan penyusuan, maka penerimaan kesaksian hanya dengan seorang saksi wanita adalah memadai seperti yang telah dijelaskan oleh majoriti ulama selain mazhab Shafi'i. Prinsip ini turut diperuntukkan dalam Fasal 1685 The Mejelle (*Majallatul al-Ahkam al-'Adliyyah*)⁶² bahawa dalam kes-kes yang melibatkan hak manusia, bilangan saksi yang ditetapkan adalah dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi wanita. Tetapi dalam keadaan yang mustahil lelaki

⁵⁹Mohammad Hashim Kamali, 398.

⁶⁰Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah ,*I'lam al-Muwaqi'in*, 1: 84.

⁶¹SubhiMahmassani, *Falsafah al-Tashri' fi al-Islami*, Terj. Farhat J. Ziadeh. 301.

⁶² *The Mejelle, Being An English Translation Of Majalaah El-Ahkan-I-Adliya And A Complete Code On Islamic Civil Law*, terj. C.R. Tyser, D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi (Kuala Lumpur: The Other Press, 2001), 294.

mempunyai pengetahuan, keterangan seorang saksi wanita adalah diterima dalam kes-kes melibatkan harta.

Ini menunjukkan sistem kehakiman Islam sentiasa bersikap adil terhadap wanita termasuklah isu bilangan saksi wanita dua kali ganda dengan bilangan saksi lelaki sebagai langkah berhati-hati dalam urusan jual beli disebabkan kekurangan dan kelemahan sifat fizikal wanita, bukannya untuk mendiskriminasikan kaum wanita. Keadaan ini berbeza pada zaman jahiliyah apabila wanita tidak mempunyai tempat dalam sebarang urusan muamalat, malah hak untuk menikmati kehidupan pun dinafikan.⁶³

Al-Kasani dalam membincangkan bilangan saksi seperti yang termaktub dalam ayat 282 Surah al-Baqarah menegaskan hikmah bilangan saksi yang tidak boleh menerima kurang dari dua orang adalah kerana sifat manusia sendiri yang terdedah kepada sifat lupa serta cuai dan pensyariatan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita bertujuan supaya boleh mengingatkan di antara satu lain tentang fakta-fakta penting yang menjadi isu.⁶⁴

Begitu juga dengan larangan menerima keterangan saksi yang berkepentingan atau saksi tohmah adalah tidak lain dan tidak bukan untuk mengelak berlakunya kemudaratan dan ketidakadilan di pihak lawan. Ini kerana dengan saksi yang berkepentingan akan dipengaruhi oleh pihak yang diwakilinya untuk memberikan sebarang pernyataan yang sentiasa menyebelahinya walaupun terpaksa berbohong sehingga menyebabkan kes tidak dapat didengar secara adil. Kalaupun ketidakadilan tidak berlaku di pihak lawan kemudaratan juga mungkin akan berlaku di pihak yang diwakili oleh saksi tohmah apabila pihak lawan mengemukakan bantahan terhadap saksi yang dikemukakan atas alasan tohmah dan keraguan atau mendakwa saksi yang dikemukakan hanya bertujuan untuk mendapat faedah dan menolak kemudaratan untuk diri sendiri.⁶⁵ Keadaan ini boleh melambatkan sesuatu kes untuk diputuskan dan secara tidak langsung menyusahkan pihak-pihak di mahkamah. Ibnu al-Qayyim pernah menjelaskan isu ini bagi menggambarkan bahawa keadilan merupakan salah satu ciri syariat melalui contoh larangan menerima keterangan daripada saksi tohmah disebabkan wujudnya keraguan dan risiko kerosakan atau kemudaratan.⁶⁶

Firman Allah SWT:

ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَدَةِ وَأَدْنَى أَلَا تَرْتَابُوا

Al-Baqarah 2: 282

⁶³Mahmassani, 302.

⁶⁴Al-Kasani, 4049.

⁶⁵Abdul Karim Zaydan, *Nizam al-Qada Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Baghdad: Matba'ah al-'Ani, 1983), 182.

⁶⁶Ibnu al-Qayyin al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqi'in*, 2:571.

Terjemahan: Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu.

Al-Sharbini menjadikan dalil di atas sebagai larangan menerima kesaksian saksi tohmah kerana kesaksian mereka diragui sedangkan menerima keterangan yang memiliki keraguan adalah bertentangan dengan maksud ‘*adil*’ atau ‘*qist*’ sebagaimana yang tersebut dalam ayat 282 Surah al-Baqarah tersebut.⁶⁷

Proses pemeriksaan kredibiliti atau sifat ‘*adil*’ saksi atau *tazkiyah al-shuhud*⁶⁸ seperti yang dibincangkan oleh kebanyakan ulama dalam bab kesaksian juga merupakan satu proses yang berasaskan keadilan walaupun kerelevannnya untuk diaplikasikan dalam sistem perbicaraan masa kini dipersoalkan kerana berlaku sedikit pertindanan dengan proses pemeriksaan saksi (pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) dari aspek tujuan dan matlamat. *Tazkiyah al-shuhud* merupakan satu proses yang boleh membantu hakim dalam usaha untuk mencapai maksud keadilan dalam penghakiman dengan memastikan saksi-saksi yang memberi keterangan merupakan saksi-saksi yang benar-benar berwibawa dan kompeten. Malah kaedah pengendalian proses ini secara rahsia atau tertutup juga terkandung hikmah berdasarkan keadilan agar pihak *muzakki* sentiasa dalam keadaan selamat bila identiti mereka dirahsiakan.

Walaupun tidak ada nas yang jelas di dalam al-Quran atau Hadith, penerimaan keterangan melalui ‘saksi ganti’ sama ada melalui kesaksian atas kesaksian (*shahadah ‘ala al-shahadah*) atau keterangan dengar cakap (*shahadah al-tasamu’*)⁶⁹ sebagai alat pembuktian ketika darurat atau berlaku keuzuran saksi asal, merupakan satu bukti keadilan di sebalik pensyariatan *shahadah*. Berdasarkan prinsip *istihsan* dan keperluan (*hajiyat*), kaedah alternatif ini diiktiraf oleh ulama demi menjaga kepentingan dan maslahah dengan memberi ruang kepada pihak-pihak mengemukakan saksi ganti sekiranya saksi asal sukar diperolehi terutama dalam kes-kes yang melibatkan keuzuran, kematian, kehilangan, perkahwinan,

⁶⁷ Al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad al-Khatib, *Mughnial-Muhtaj*. (Kaherah: Darul Hadith, 2006) 6:371.

⁶⁸ Abdul Karim Zaydan telah merumuskan proses *tazkiyah al-shuhud* sebagai proses penyiasatan saksi untuk mempastikan sifat ‘*adilnya*’ melalui seorang pemeriksa yang dilantik oleh hakim (*muzakki*) dengan mengambil maklumat serta latar belakang saksi tersebut, bukan setakat nama, nasab dan masjid tempat solatnya, malah pekerjaan saksi tersebut, tempat tinggal serta sifat fizikalnya bagi mengelakkan sebarang keraguan tentang perwatakan saksi tersebut. Lihat ‘Abdul Karim Zaydan, 178.

⁶⁹ *Shahadah ‘ala shahadah* atau kesaksian atas kesaksian dan keterangan dengar cakap yang juga dikenali sebagai *shahadah al-tasamu’* atau *istifadah* merupakan salah satu cabang perbincangan dalam bab *shahadah* atas kapasitinya sebagai kesaksian atau keterangan tidak langsung. Kedua-dua jenis kesaksian ini juga dikenali sebagai saksi ganti, bukan saksi asal atas keuzuran-keuzuran tertentu atau atas sebab yang tidak boleh dielakkan bersandarkan prinsip maslahah dan *istihsan* bagi memelihara hak seseorang. Lihat Ibnu al-Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, 89.

kelahiran, penyusuan dan pemilikan harta.⁷⁰ Ibnu Hummam dan al-Marghinani dari mazhab Hanafi telah memperakui bahawa prinsip *istihsan* dan keadilan menjadi dasar kepada penerimaan kedua-kedua jenis keterangan secara tidak langsung ini⁷¹. Penerimaan *shahadah 'ala al-shahadah* dan *shahadah al-tasamu'* secara tidak langsung juga mengelakkan dari berlakunya lakuna atau kebekuan sistem perundangan jika terlalu taasub dengan sifat *syahadah* yang dianggap sangat ketat.⁷²

1.2.4. Matlamat Syariah Dalam *Syahadah* Adalah Untuk Membuktikan Hak dan Kebenaran

Ibnu 'Ashur pernah menjelaskan objektif syarak khusus dalam *syahadah* adalah untuk membuktikan hak dan kebenaran. Oleh sebab itulah saksi-saksi dikehendaki bercakap benar semasa memberikan keterangan dan atas sebab itu jugalah kredibiliti atau sifat '*adil* seseorang saksi perlu diperiksa dahulu bagi mempastikan keterangannya tidak diragui. Walaupun mungkin tafsiran '*adil* itu berbeza mengikut mazhab, kualiti saksi merupakan satu aspek yang sangat penting untuk membuktikan kebenaran. Malah tafsiran '*adil* dan menjaga maruah⁷³ (*muru'ah*) sebagai syarat bagi seseorang saksi untuk diterima keterangannya, mungkin berbeza, bukan setakat tafsiran mazhab, tetapi juga berbeza mengikut adat kebiasaan setempat atau '*uruf* dan budaya. Apa pun tafsiran yang digunakan mestilah selari dengan matlamat syarak atau *maqasid shari'ah* dalam *syahadah* dan seseorang hakim sepatutnya boleh bersikap toleransi dengan mana-mana tafsiran yang sesuai asalkan matlamat tersebut tercapai.⁷⁴

Matlamat untuk membuktikan hak dan kebenaran melalui *syahadah* adalah sebagai satu jaminan syarak kepada mana-mana pihak yang bertikai supaya hak mereka terpelihara. Oleh yang demikian, dalam konteks tatacara, salah satu cara untuk memastikan matlamat dan jaminan yang diberikan oleh syarak tercapai adalah melalui dokumentasi atau apa-apa prosedur bagi memastikan semua yang berkaitan dengan prosedur memberikan keterangan atau *syahadah* dicatat supaya tiada keterangan yang hilang disebabkan prosiding yang mungkin

⁷⁰ Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 85.

⁷¹ Keterangan secara tidak langsung disebabkan keterangan tersebut diberikan bukan daripada saksi asal yang boleh dikategorikan sebagai *syahadah*. Konsep yang hampir serupa dengan kesaksian atas kesaksian atau keterangan dengan cakap boleh dilihat dalam seksyen 20 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 berkaitan pernyataan mengenai fakta relevan oleh orang yang telah mati atau tidak dapat dijumpai dan sebagainya, dan keterangan berkaitan pernyataan tersebut hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan. Walau bagaimanapun, keterangan sedemikian dikategorikan sebagai *qarinah*, bukan di bawah Bab Saksi.

⁷² Ibnu Hummam, 363 dan al-Marghinani, 119.

⁷³ Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, 72.

⁷⁴ Ibnu 'Ashur, 231.

mengambil masa yang lama untuk diselesaikan.⁷⁵ Sekiranya keterangan yang diberikan oleh para saksi tidak dicatat atau direkod risiko penghakiman dipertikai dalam prosiding rayuan mungkin berlaku dan secara tidak langsung kredibiliti hakim yang asalnya menjadi medium keadilan boleh dipersoalkan apabila hakim gagal mengemukakan rekod keterangan yang lepas. Apatah lagi bila berlaku kepincangan dalam prosiding, kemungkinan tempoh kes akan menjadi lebih panjang dan boleh menganiaya mana-mana pihak dan sudah tentu situasi ini sangat bertentangan dengan prinsip keadilan menurut *maqasid shari'ah*.

Aspek lain yang mungkin boleh dilihat dalam konsep *syahadah* ialah isu berkaitan gender saksi. Ibnu al-Qayyim pernah menyatakan seseorang hakim boleh menerima kesaksian hanya melalui seorang lelaki yang '*adil* atau dengan apa bentuk keterangan sekali pun walaupun mungkin tanpa *syahadah* dalam keadaan tertentu asalkan objektif untuk memelihara manusia tercapai.⁷⁶ Menurut Ibnu al-Qayyim lagi dalam mengambil pandangan gurunya Ibnu Taymiyyah menyatakan ayat al-Quran yang menyebut tentang keperluan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama dua orang saksi wanita bukanlah merupakan satu hukum yang mengikat hakim, tetapi ia lebih bertujuan menunjukkan sebagai salah satu cara memberikan keterangan untuk memelihara hak manusia.⁷⁷ Atau dalam konotasi yang lebih mudah, dalam keadaan tertentu, hakim mungkin boleh mengabaikan sejenak aspek gender saksi seperti yang dibahaskan oleh ulama dalam konteks bilangan saksi semata-mata bagi memastikan hak pihak yang bertikai terpelihara. Ini kerana kebenaran kadangkala boleh dipastikan mungkin dengan cara yang lain asalkan objektif syarak dalam konteks penghakiman tercapai.

Penerimaan seorang saksi lelaki berserta sumpah pihak yang mendakwa atau *mashhud lahu* juga menggambarkan prinsip keadilan dalam pemakaian *syahadah* kerana ada kalanya agak sukar untuk mendapatkan dua orang saksi lelaki terutama dalam kes-kes yang melibatkan pembubaran perkahwinan seperti taklik dan fasakh. Malah Ibnu al-Qayyim telah mengeluarkan pandangan bahawa seorang saksi wanita berserta sumpah juga boleh diterima dalam situasi ketiadaan saksi lelaki bagi memelihara hak dan keadilan *mashhud lahu*.⁷⁸

1.2.5. Syahadah Memelihara Agama, Nyawa, Akal, Keturunan Dan Harta Benda

Maqasid shari'ah sangat sinonim dengan pemeliharaan lima aspek utama yang juga dikenali sebagai *daruriyyat al-khams* dalam konsep maslahah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda.

Keperluan memenuhi syarat bilangan saksi mengikut kategori kes perlu dilihat sebagai satu ketetapan yang bertujuan untuk memelihara objektif syariah atau *maqasid shari'ah* untuk menjaga maslahah dan menolak *mafsadah*. Sebagai

⁷⁵Ibid.

⁷⁶Ibid., 66.

⁷⁷Ibnu al-Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, 65.

⁷⁸Ibnu al-Qayyim, *I'lam al-Muwaqi'in*, 1:84.

contoh keperluan empat orang saksi lelaki dalam kes zina adalah sebagai langkah berhati-hati dalam mensabitkan sesorang dengan kesalahan zina yang bukan sahaja melibatkan hukuman berbentuk fizikal malah melibatkan maruah seseorang wanita supaya wanita tidak dituduh atau difitnah sesuka hati tanpa asas dan bukti.⁷⁹

Keperluan dua orang saksi atau *syahadah* dalam dalam urusan jual beli dan hutang-piutang seperti yang disebutkan dalam ayat 282 Surah al-Baqarah merupakan satu bentuk *maqasid* atau maslahah untuk menjaga harta.⁸⁰ Keperluan mengemukakan saksi-saksi dalam kes sivil atau mal selain kes jual beli atau hutang piutang, terutama dalam kes-kes perkahwinan, perceraian, rujuk, hibah, harta sepencarian, kemungkiran janji perkahwinan, nafkah, dan sebagainya membuktikan betapa aspek menjaga keturunan dan harta merupakan hikmah di sebalik pensyariatan *syahadah*.

Tujuan dan hikmah *syahadah* untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta lebih jelas terserlah dalam kes-kes jenayah terutama jenayah hudud dan *qisas* yang memerlukan sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki yang ‘*adil* melainkan kes zina yang memerlukan empat orang saksi yang ‘*adil* untuk mensabitkan kesalahan tersebut. Sebagai contoh keperluan saksi untuk mensabitkan jenayah *riddah* atau murtad adalah untuk memelihara kesucian agama Islam, kesaksian untuk mensabitkan jenayah *qisas* dan *hirabah* atau rompakan adalah untuk menjaga keselamatan diri dan nyawa, saksi untuk mensabitkan kesalahan minum arak untuk menjaga akal, saksi untuk mensabitkan jenayah zina untuk menjaga maruah dan keturunan dan saksi untuk mensabitkan jenayah mencuri adalah untuk menjaga keselamatan harta. Oleh yang demikian, kehadiran saksi adalah penting bagi membantu hakim melaksanakan penghakiman secara adil melalui kaedah pembuktian yang betul dan selari dengan *maqasid shari’ah*.

1.2.6. Syahadah dan Hubungkaitnya Dengan Perubahan Hukum

Bagi tujuan keadilan, tidak semestinya segala yang terkandung dalam konsep *syahadah* akan kekal bentuknya seperti yang dibincangkan oleh para fukaha. Keadilan yang menjadi salah satu matlamat syarak tidak semestinya dalam bentuk yang ketat dan statik tanpa mengiktiraf perubahan yang berlaku disebabkan perubahan masa, tempat dan kebiasaan atau ‘*uruf* masyarakat. Berbeza dalam soal ibadat, alasan perubahan waktu, tempat dan keadaan tidak akan berlaku dalam hukum kerana ia bersifat tetap dan kekal tanpa mengira waktu, tempat dan keadaan⁸¹ melainkan dalam keadaan yang telah ditetapkan

⁷⁹Mahmassani, 297.

⁸⁰ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, *Maqasid al-Syariah: Satu Pengenalan*, dalam Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzaite Abdul Aziz, *Maqasid al-Syariah* (Selangor: IIUM Press, 2012), 28. Lihat juga Yusuf Hamid al-‘Alim, *al-Maqasid al-‘Ammah li al-Shari’ah al-Islamiyyah* (USA: The International Institute of Islamic Thought, 1991), 522.

⁸¹Mahmassani,187.

hukum *rukhsah* ke atasnya. Lebih-lebih lagi pada zaman yang lebih mencabar dengan kemajuan gaya hidup dan perkembangan teknologi, pendekatan yang lebih relevan mungkin diperlukan dalam mentafsirkan semula prinsip-prinsip pemakaian *syahadah* kalau itu yang lebih sesuai untuk merealisasikan keadilan sebagai matlamat umum dalam sistem kehakiman Islam.

Sebagai contoh dalam soal tafsiran semula perkataan '*adil*'⁸² sebagai salah satu syarat penerimaan kesaksian, penerimaan saksi wanita, syarat secara langsung atau keperluan mengadakan proses testimoni saksi atau *tazkiyah al-shuhud* yang pada masa mahkamah juga mempunyai prosedur pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.⁸³ Prinsip perubahan hukum atau perubahan undang-undang ini pernah diperuntukkan dalam *The Mejelle* (*Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*) dalam Fasal 39⁸⁴ yang menegaskan bahawa tidak dapat dinafikan dengan berubahnya masa, undang-undang juga turut berubah.⁸⁵ Isu ini pernah ditimbulkan oleh Anwarullah yang berpandangan beberapa aspek berkaitan syarat *syahadah* memerlukan pentafsiran semula berdasarkan keperluan semasa melibatkan konsep '*adil*',⁸⁶ penerimaan saksi bukan Islam dan penerimaan saksi wanita dalam kes selain hudud tanpa meletakkan syarat yang ketat untuk mengelakkan ketidakadilan.⁸⁷

Mahmassani telah membincangkan isu penelitian semula dalam tafsiran yang lebih relatif dalam tafsiran '*adil*' sebagai salah satu syarat penerimaan saksi. Beliau menegaskan bahawa syarat '*adil*' dan kejujuran saksi harus dilihat dengan tafsiran yang relatif berdasarkan latar belakang saksi dan latar belakang kes bagi mengelakkan ketidakadilan.⁸⁸

⁸² Seksyen 83 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 sebagai contoh telah mentafsirkan seorang Islam dikatakan '*adil*' bila ia dapat menunaikan obligasi agamanya, melaksanakan kewajipan agama yang ditetapkan, menahan diri daripada melakukan dosa besar dan tidak terus menerus melakukan dosa kecil.

⁸³ *Tazkiyah al-Shuhud* melibatkan proses pemeriksaan dan penyiasatan kredibiliti atau keadilan saksi tetapi proses pemeriksaan saksi di mahkamah masa kini (pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) melibatkan pemeriksaan fakta yang dikemukakan oleh saksi yang secara tidak langsung boleh mengenalpasti dan mencabar kredibiliti seseorang saksi semasa disoalbalas. Kedua-dua prosedur ini diperuntukkan dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia. Lihat Bab 3 Pemeriksaan Saksi seksyen 89 hingga 118 dan Bab 4 Peruntukan Khas Berhubungan Dengan Testimoni Saksi, seksyen 119 hingga 129, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.

⁸⁴ *The Mejelle*, 8.

⁸⁵ Ibnu al-Qayyim pernah menyebut hukum fiqh berkaitan muamalat mungkin boleh berubah atas dasar *maqasid shari'ah*, lihat Ibnu al-Qayyim, *I'lam al-Muwaqi'in*, 2: 76.

⁸⁶ Pengkaji moden di Malaysia seperti Abdul Muin Abdul Rahman berpendapat perlunya satu pentafsiran yang lebih kontemporari dan fleksibel terhadap istilah adil dalam syarat saksi supaya lebih sesuai dengan '*uruf*' dan suasana semasa. Lihat Abdul Muin Abdul Rahman. *Witness In Islamic Law of Evidence* (Selangor: Pelanduk Publications, 1999), 1.

⁸⁷ Anwarullah, *Principles Of Evidence In Islam*, (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1999, 22).

⁸⁸ Mahmassani, 308.

Selain dari isu sifat ‘*adil*’ saksi yang perlu kepada pentafsiran semula berdasarkan perubahan suasana, tempat, masa dan ‘*uruf*’ semasa, isu penerimaan saksi kanak-kanak pun pernah ditimbulkan oleh pengkaji-pengkaji moden. Oleh kerana dalam keadaan tertentu hanya kesaksian kanak-kanak sahaja yang ada, seperti dalam kes penganiayaan dalam rumahtangga, maka pengabaian kepada keterangan tersebut disebabkan tidak memenuhi syarat baligh dalam *syahadah* memungkin sesuatu kes tidak dapat duputuskan dengan adil. Oleh yang demikian, ada yang berpandangan dalil tentang kesaksian dua orang lelaki dalam kes sivil masih membuka ruang ijihad kerana ayat tersebut bersifat umum dan tidak menghadkan kepada umur tertentu selagi keadilan dan amanah terpelihara. Ini boleh dilihat dalam keadaan apabila saksi kanak-kanak berupaya membezakan baik dan buruk, bersikap amanah dan bijak dan tidak ada saksi lain yang dewasa boleh diperolehi.⁸⁹ Sikap terlalu terikat dengan prinsip perundangan sebenarnya boleh membawa kepada kesukaran dalam situasi tertentu. Oleh itu dalam beberapa keadaan beban tanggungan seseorang dalam mendokong prinsip perundangan atau fiqh perlu diringankan supaya kemudaratan dan ketidakadilan dapat dihindarkan.⁹⁰

Isu kesaksian wanita dan gender saksi turut menjadi perbahasan untuk mendapat pentafsiran baru berdasarkan dalil-dalil bilangan dan gender saksi dalam kes muamalat berdasarkan ayat 282 Surah al-Baqarah. Ada yang berpandangan wanita boleh menjadi saksi dalam semua kes atas alasan perubahan ‘*uruf*’ semasa.⁹¹ Isu kesaksian wanita harus dilihat menurut perspektif *maqasid*, bukan dari aspek gender kerana tujuan utama dalam penghakiman Islam adalah keadilan dengan apa cara sekalipun. Ramai wanita sekarang lebih berpengalaman dan berpengetahuan serta mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi.⁹² Dalil-dalil berkaitan kesaksian dua orang wanita menyamai seorang lelaki perlu dilihat mengikut ‘*uruf*’ dan situasi semasa kerana dalil tersebut bukanlah muktamad atau *qat'i*. Ayat 282 Surah al-Baqarah sepatutnya tidak lagi ditafsir secara prejudis, malah tidak ada dalil yang bersifat muktamad tentang bilangan dan kebolehterimaan saksi mengikut gender. Ini kerana kerana pada masa dahulu golongan wanita tidak terdedah dengan pengetahuan transaksi atau jual beli dan ayat 2:282 tidaklah secara ketat membataskan kesaksian wanita dalam semua perkara dan ayat tersebut adalah berkaitan dengan urusan jual beli atau sivil sahaja.⁹³

⁸⁹Siti Hajar Mohd Yasin, “Evidence of A Minor: A Comparative Study Of The Islamic And Civil Law” [1995] 2 CLJ xi.

⁹⁰Mohd Shahrizad Mohd Diah, “Child Testimony In Islamic Law – An Appraisal”, *International Islamic University of Malaysia (IIUM) Law Journal* 10 (2002): 98.

⁹¹Zulfakar Ramlee, “Kesaksian Wanita Antara Kebolehenerimaan dan Kebolehpaksaan”, *Jurnal Hukum* 26 (Jun 2008), 1:5.

⁹²Nehaluddin Ahmad, “ Islamic Law Of Evidence And The Merit of Women Witnessses: An Overview”, [2010] 1 MLJ xcii-cii.

⁹³*Ibid.*, xciv.

1.2.7. *Syahadah: Mengharmonikan Prinsip Fiqh dengan Maqasid Shari'ah Dan Prinsip Keadilan*

'Konflik' di antara prinsip keadilan atau prinsip maslahah dengan hukum-hukum substantif dalam fiqh boleh berlaku dalam situasi tertentu. Situasi ini mungkin boleh berlaku dengan adanya nas-nas umum syarak dengan nas-nas yang lebih khusus. Oleh yang demikian melakukan kompromi di antara prinsip umum dengan dalil yang khusus adalah sangat penting. Sebagai contoh nas al-Quran melalui ayat 135 Surah al-Nisa' atau ayat 8 Surah al-Maidah berkaitan prinsip keadilan dalam kesaksian dengan kehakiman dengan ayat 282 Surah al-Baqarah yang menghendaki dua orang saksi lelaki atau satu saksi lelaki bersama-sama dua orang saksi wanita dalam kes jual beli atau kontrak atau pun dalam kes-kes sivil yang lain dan kes jenayah. Adakah seseorang hakim akan terus menggunakan hukum fiqh yang khusus melalui syarat *syahadah* yang ketat bersama dengan bilangannya sedangkan jika hukum tersebut diteruskan mungkin akan memanjangkan tempoh kes yang boleh membebankan pihak-pihak yang bertikai atau boleh terus menggunakan prinsip keadilan sebagai asas dengan meringankan peraturan pemakaian *syahadah*?

Dalam hal ini, Mohammad Hashim Kamali berpendapat bahawa seseorang mujtahid atau hakim mungkin boleh mengeluarkan hukum atau penghakiman yang pada masa hukum atau kes hendak diputuskan menggunakan prinsip *maqasid* atau prinsip keadilan walaupun mungkin pada zahirnya bertentangan dengan hukum fiqh dari dalil-dalil yang khusus dan undang-undang substantif. Oleh yang demikian, bagi mempastikan matlamat keadilan tercapai, seseorang hakim mungkin boleh mengabaikan sesetengah prinsip fiqh dalam *syahadah* dengan memberikan keutamaan kepada prinsip keadilan sekiranya keadaan kes memerlukan.⁹⁴ 'Abdul Wahab Khalaf pernah menggariskan tatacara bagaimana seseorang mujtahid boleh mendahulukan maslahah daripada nas dan ijma'.⁹⁵ Salah satunya ialah apabila wujudnya beberapa ayat al-Quran dalam isu yang sama ataupun kedapatan hadith yang memberikan konotasi berbeza berbanding nas al-Quran dan ijma' dalam isu yang sama.⁹⁶

Prinsip mendahulukan maslahah daripada nas atau hukum fiqh pernah digambarkan oleh Ibnu al-Qayyim bahawa untuk mencapai objektif syariah tidak semestinya menggunakan dua orang saksi lelaki sama ada dalam kes jenayah atau harta kalau didapati keterangan mereka menimbulkan keraguan sedangkan ada keterangan lain yang mungkin lebih kuat dan terang seperti bau arak, kehamilan tanpa nikah atau pun penemuan barang curi di sesuatu premis. Prinsip fiqh berkaitan penggunaan *syahadah* mungkin boleh digantikan dengan penggunaan keterangan keadaan yang lebih kuat asalkan objektif syarak untuk maslahah dan

⁹⁴ Mohammad Hashim Kamali, 406.

⁹⁵ 'Abdul Wahab Khalaf, *Masadir al-Tashri' al-Islami* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1972), 129

⁹⁶ *Ibid.*

keadilan dapat dicapai.⁹⁷ Begitu juga halnya dengan penerimaan keterangan melalui *khabar* atau *shahadah al-tasamu'* atau berita dari seorang lelaki yang adil tanpa penyaksian secara langsung dalam semua kes, maka tiada isu *syahadah* yang perlu ditimbulkan kalau dengan cara itu objektif syarak dapat dicapai.⁹⁸

Sebagai gambaran yang mungkin lebih mudah dalam kes pembubaran perkahwinan apabila dua orang saksi lelaki yang adil diperlukan untuk pensabitan sebagaimana firman Allah SWT :

فَإِذَا بَلَغُنَّ أَجْلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوْا ذَوِي عَدْلٍ مِنْكُمْ
وَأَقِيمُوا الشَّهَدَةَ لِلَّهِ ذَلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلُ

لَهُوَ مَحْرَاجًا

al-Talaq 65 : 2

Terjemahan: Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik; dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujukkan atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya).

Dalam kes fasakh terutamanya, apabila pihak isteri mengemukakan alasan pengabaian nafkah batin, pihak mahkamah boleh menggunakan pembuktian selain keterangan saksi dua orang lelaki atau *syahadah* dalam erti kata yang literal, sebagai pendekatan penghakiman berdasarkan maslahah bagi mengelakkan berlaku penganiayaan di pihak isteri selaku plaintiff. Ini kerana sekiranya mahkamah meminta pihak isteri mengemukakan saksi yang boleh memberi keterangan tentang fakta pengabaian nafkah batin, kes mungkin akan menjadi lebih panjang dan memakan masa yang lama untuk diputuskan. Sedangkan untuk mendapatkan seorang saksi bagi menjelaskan fakta tersebut adalah sesuatu yang agak sukar dan hampir mustahil dan boleh menyebabkan pihak isteri berterusan menderita dan teraniaya menunggu keputusan mahkamah.⁹⁹ Begitu juga dengan

⁹⁷Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqi'in*, 1: 89.

⁹⁸*Ibid.*

⁹⁹Haji Abu Naim bin Haji Ikhsan menyatakan permohonan fasakh sama ada oleh isteri atau suami di Mahkamah Syariah memerlukan pembuktian sebelum disabitkan sama ada secara *syahadah*, *bayyinah* atau sumpah. Kadangkala kes-kes permohonan fasakh mengambil masa yang lama untuk diputuskan kerana alasan-alasan yang dikemukakan oleh plaintiff dan defendant tidak dapat dibuktikan di mahkamah. Dalam artikalnya penulis telah merujuk kepada penghakiman kes *Rasnah Ariffin* Iwn. *Shafri bin Khalid*, 9/2 (2002) JH 89 yang antaranya menyebut "...jika tanpa

penerimaan seorang saksi kanak-kanak berserta sumpah plaintif dalam tuntutan pengesahan taklik pukul walaupun kesaksian kanak-kanak tidak memenuhi syarat baligh dan '*adil*' serta bilangan saksi yang sepatutnya. Jika keperluan dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama-sama dua saksi wanita atau pun seorang saksi lelaki dewasa berserta sumpah plaintif diikuti secara ketat oleh mahkamah, mungkin boleh memanjangkan tempoh kes sehingga bertahun-tahun.¹⁰⁰ Situasi seperti ini sangatlah bertentangan dengan prinsip keadilan atau *maqasid shari'ah* apabila pihak penuntut atau isteri berhadapan dengan kesukaran serta risiko kemudaratan dari aspek fizikal dan psikologi disebabkan kekerapan berulang alik ke mahkamah dan meningkatnya kos prosiding mahkamah.

Dalam proses menggunakan prinsip keadilan dengan mengetepikan sejenak hukum fiqh, seseorang hakim perlu menjelaskan '*illah*' atau sebab penghakiman tersebut atau *ratio decidendi*nya yang merujuk kepada prinsip keadilan walaupun ianya mungkin bertentangan dengan syarat saksi yang asal menurut fiqh disebabkan keadaan tertentu yang mendesak bagi mengelakkan kemudaratan. Oleh sebab itulah, seseorang hakim bukan sahaja perlu pakar dalam undang-undang keterangan tetapi juga perlu memiliki kemahiran mengaplikasi prinsip keadilan atau *maqasid shari'ah* supaya penghakimannya selari dengan kedua-dua aspek sama ada fiqh dan objektif syarak.¹⁰¹

Dalam bab muamalat, seperti jual beli, hutang piutang mahu pun kontrak, menggunakan hukum fiqh seperti yang terdapat dalam ayat 282 Surah al-Baqarah, Yusof Hamid al-'Alim menjelaskan bagaimana prinsip asas reda dan keadilan digunakan apabila syarat bilangan saksi tidak dapat dipenuhi supaya matlamat untuk menjauhi *mafsadah* dalam transaksi disebabkan keraguan dan perbalahan pihak yang bertikai, walaupun pada asalnya *syahadah* itu disyariatkan untuk menjaga harta sebagai salah satu objektif syarak.¹⁰²

Contoh-contoh lain yang boleh dilihat adalah penerimaan kesaksian wanita semata-samata dalam ketiadaan saksi lelaki selain dari kes hudud dan penerimaan bukti sekadar *zan al-ghalib* atau *zan al-rajih* atau melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*) dalam keadaan bukti berstatus yakin tidak mampu atau sukar ditemui walaupun menggunakan metode *syahadah*. Oleh yang demikian seseorang hakim mungkin boleh menggunakan prinsip umum dalam syarak yang salah satunya bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kesukaran

bayyinah sudah tentulah Plaintiff sukar mendapatkan sokongan atau bukti kerana kejadian yang berlaku itu adalah di dalam keadaan orang luar atau saksi lain tidak nampak kejadian tersebut. Oleh itu Hukum Syarak memberi ruang kepada kita boleh menerima *bayyinah* asalkan ianya menepati **keadilan** yang menjadi tunggak Mahkamah ini...". Lihat Haji Abu Naim bin Haji Ikhwan. Kaedah-kaedah Fasakh di Mahkamah Syariah. Jurnal Hukum. 21/1 (2006) JH 13.

¹⁰⁰Ibrahim bin Lembut pernah menjelaskan bahawa sesuatu kes yang difailkan di Mahkamah Syariah melibatkan pembubaran perkahwinan secara taklik kebiasaannya memerlukan saksi lelaki untuk mempastikan permohonan tersebut diterima oleh Mahkamah. Lihat Ibrahim bin Lembut, Kaedah Ta'liq Talak Di Mahkamah Syariah. Jurnal Hukum, 21/2 (2006) JH 152.

¹⁰¹Mohammad Hashim Kamali, 408.

¹⁰²Yusof Hamid al-'Alim, 523.

atau kesulitan¹⁰³ bagi merealisasikan prinsip keadilan dalam penghakiman dengan mengenepikan hukum substantif *syahadah* berkaitan bilangan atau jantina saksi mahu pun dalam soal tahap pembuktian. Ibnu al-Qayyim sendiri pernah menyebut tentang keharusan menerima kesaksian seorang wanita secara tunggal dalam kes-kes selain hudud dan *qisas* terutama dalam situasi kes apabila saksi lelaki gagal diperolehi.¹⁰⁴

DAPATAN KAJIAN

Syahadah dilihat dari aspek fiqhnya sebagai salah satu alat pembuktian yang kuat perlu dikendalikan secara berhati-hati tanpa mengabaikan prinsip maslahah dan keadilan. Mazhab Hambali terutama pandangan Ibnu al-Qayyim dilihat agak liberal dalam semua aspek terutama dari aspek syarat dan bilangan. Kelonggaran pandangan beliau tidak lain dan tidak bukan hasil perubahan zaman dan sikap masyarakat yang semakin terdedah dengan percampuran budaya serta perubahan cara hidup. Oleh sebab itu maslahah dan keadilan menjadi pertimbangan utama dalam pandangan beliau dalam proses menerima keterangan saksi terutama dalam bab-bab yang tidak disebut secara langsung dalam dalil-dalil syarak. Sebagai contoh penerimaan keterangan bukan Islam dalam kes-kes muamalah, penerimaan saksi wanita dalam kes selain kes harta, penerimaan saksi tohmah yang mempunyai hubungan kekeluargaan serta bilangan saksi.

Syahadah melalui konsepnya secara umum terutama dari aspek syarat-syaratnya perlu dilihat secara positif walaupun dalam konteks dunia moden. Ketegasan semua prinsip-prisipnya adalah bertujuan untuk menjaga keadilan dari segenap aspek kehidupan manusia supaya tidak ada pihak yang dizalimi dan tidak ada pihak yang mengalami kemudaratan. Namun, perlu disedari dalam beberapa aspek tertentu seperti penerimaan *shahadah 'ala al-shahadah* dan *shahadah al-tasamu'* menggambarkan sikap toleransi *syahadah* dalam situasi-situasi tertentu. Kualiti dan kuantiti saksi yang ditekankan dalam *syahadah* melalui nas-nas syarak secara langsung atau tidak langsung perlu dilihat bukan setakat dari aspek fiqh tetapi juga aspek *maqasid shari'ah* untuk memelihara kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat merangkumi agama, nyawa, akal keturunan dan harta benda. Sungguh pun begitu ruang untuk ijihad dalam beberapa aspek *syahadah* juga tidak boleh dipertikaikan kerana kebanyakan dalil-dalil syarak berkaitan saksi masih bersifat umum dan sudah pasti ada hikmahnya di sebalik itu. Peranan ijihad masih boleh dilihat sebagai relevan terutama dalam konteks dunia moden supaya prinsip-prinsip dalam *syahadah* tidak ditafsirkan sebagai ketinggalan zaman dan mustahil untuk diaplikasikan. Oleh yang demikian, pendekatan secara *maqasid shari'ah* boleh membantu institusi ijihad untuk mempastikan prinsip-prinsip *syahadah* masih lagi relevan dengan apa cara sekali pun asalkan matlamat keadilan dapat dicapai walaupun suasana, '*uruf* dan sosio ekonomi masyarakat sudah banyak berubah.

¹⁰³ Abdul Karim Zaydan, *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, 384.

¹⁰⁴ Ibnu al-Qayyim, *al-Turuq al-Hukmiyyah*, 72.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bagi mencapai maksud keadilan dalam penggunaan *syahadah* sebagai pembuktian di mahkamah, prinsip-prinsip *syahadah* perlu diaplikasikan dalam dua cara melalui pendekatan *maqasid shari'ah*. Cara yang pertama adalah dengan mengikuti segala prinsip-prinsipnya secara mutlak atau pun menurut prinsip fiqhnya seperti yang dibincangkan oleh ulama berdasarkan dalil-dalil syarak sama ada dalil yang khusus atau umum. Atau pun melalui cara kedua dengan melonggarkan pemakaian prinsip-prinsip tersebut dalam keadaan tertentu melalui dalil-dalil umum atau sebarang kaedah lain yang selari dengan syarak asalkan matlamat keadilan dapat tercapai terutama dengan berlakunya perubahan masa, tempat, suasana dan '*uruf* setempat atau mungkin dengan adanya keuzuran dan ancaman kemudaratan.

BIBLIOGRAFI :

- 'Abdul Karim Zaydan. *Nizam a-Qada'*. Baghdad: Matb'ah al-Ma'ani, 1983.
- _____. *Prinsip-prinsip Pendakwaan Dan Pembuktian Dalam Sistem Kehakiman Islam*, terj. Mohd Saleh bin Haji Ahmad. Shah Alam: Hizbi, 1993. _____. *Al-Madkhal Li al-Dirasah al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Baghdad: Maktabah al-Qudus, 1989.
- _____. *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Maktabah al-Qudus, 1976.
- 'Abdul Wahab Khalaf. *Masadir al-Tashri' al-Islami*. Kuwait: Dar al-Qalam, 1972.
- 'Imad Muhammad Rabi'. *Hujjiyyatu al-Shahadah Fi al-Ithbat al-Jaza'i*. Urdun: Dar al-Thaqafah, 1999.
- Abdul Muin Abdul Rahman. *Witnesses In Islamic Law of Evidence*. Selangor : Pelanduk Publications, 1999.
- Abdul Rahman Mustafa. *Prinsip Undang-undang Keterangan Islam: Satu Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988.
- Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. *Al-Mustasfa Min 'Ilmi al-Usul*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1993.
- Abi Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati al-Shatibi. *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Ahkam*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Fikr, 1981.
- Abi Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari. *Tafsir al-Tabari*. Jilid ke-4. Kaherah: Dar al-Salam, 2007.
- Afridah Abas. Kebolehtenerimaan Keterangan Dengar Cakap Sebagai Satu Cara Pembuktian di Mahkamah Syariah dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jilid ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Ahmed 'Abdulgadir Ahmed Elmahi. "Acceptance And Evaluation Of *Shahadah* Under Sudanese Evidence Act, 1993 (A Comparative Study)". MCL Thesis. Kuliyyah of Law, International Islamic University Malaysia, 2000.

Akmal Hidayah Halim. "The Law of Competency, Compellability And Credibility of

Witness: a Comparative Study of Evidence Act 1950 And Islamic Law". MCL Thesis. Kuliyyah of Law, International Islamic University, Malaysia, 1999.

Al-Bayhaqi Abu Bakr Ahmad bin al-Husin bin 'Ali. *Al-Sunan al-Kubra*. Jilid ke-10. Beirut:

Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.

Al-Khatib, Muhammad al-Sharbini. *Al-Iqna'*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.

Al-Shafi'i, Abi 'Abdillah Muhammad Bin Idris. *Al-Umm*. Jilid ke-5. Beirut: Dar al-Fiqh,

2009.

Al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad al-Khatib. *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk ke-6.

Kaherah: Kaherah: Darul Hadith, 2006.

Al-Zuhayli, Wahbah. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juzu' 8. Damsyiq: Dar al-Fikr, 1997.

_____. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Juzuk ke-2. Beirut: Dar al-Fikr, 1996.

Anwarullah. *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1999.

Bisam Nahar al-Butun. *Al-Shahadah Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah Dirasah Muqaranah Bi al-Qanun al-Wad'i*. Urdun: Dar al-Thaqafah, 2010.

Burhanuddin Abi al-Hasan 'Ali bin Abi Bakr al-Farghani al-Marghinani. *Al-Hidayah Sharh Bidayah al-Mubtadi*. Jilid ke-2. Beirut: Sharikah Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam, t.t.

Duryana Mohamed & Afridah Abas, "The Process Of Gathering Evidence In Civil Cases: Its Application In Civil And Shariah Courts", [2011] 3 MLJ cxxii-clii.

Hamid Jusoh. *Tazkiyah al-Syuhud* dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

_____. Undang-undang Keterangan Islam Dan Perkembangan Pelaksanaannya Di

Malaysia dalam Nasimah Hussin et. al. *Undang-undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jil. Ke-13. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

Ibnu 'Ashur. *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam, 2009.

Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah. *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fi al-Siyasah al-Shari'iyah*. Kaherah:

Darul Hadith, 2002.

_____. *I'lam al-Muwaqi'in*. Jilid 1. Kaherah: Dar al-Hadith, 2006.

Ibnu Farhun. *Tabṣirah al-Hukkam Fi Usul al-'Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Jilid 1 & 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1301H.

Ibnu Rushd. *Sharh Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid ke-4. Kaherah: Dar

al-Salam, 2009.

Ibnu Qudama. *Al-Mughni*. Jilid ke-11. Beirut : Dar al-Fikr, 1994.

Jasri Jamal, "Kesaksian Orang Bukan Islam: Kes Pengisytiharan Keluar Dari Agama Islam

Di Mahkamah Syariah Malaysia" [2011] 4 ShLR xiv-xxiv)

Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. *Maqasid al-Sharia'ah: Satu Pengenalan*, dalam

Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wok Mahmud, Akhtarzie Abdul Aziz. *Maqasid al-Syariah*. Selangor: Penerbit UIAM, 2012.

Mahmud Saedon Awang Othman. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur :

Dewan Bahasa & Pustaka, 1991.

Mohamad Akram Laldin. *Shariah & Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publication Sdn. Bhd, 2011.

Mohammad Hashim Kamali. *Islamic Law In Malaysia Issues And Developments*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2000.

_____. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn Bhd., 2009.

Mohd Shahrizad Mohd Diah, "Child's Testimony In Islamic Law – An Appraisal", *International Islamic University of Malaysia (IIUM) Law Journal* 10 (2002): 77-98.

Muhammad bin 'Ali bin Muhammad al-Shawkani. *Fath al-Qadir*, Jilid 1. Beirut: Dar al-

Ma'rifah, 1995.

Muhammad 'Ali al-Sabuni. *Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir*. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath

al-'Arabi, 1996.

Muhammad 'Ali al-Sayis. *Tafsir Ayat al-Ahkam*. Jilid 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998.

Nasimah Hussin et al. *Siri Perkembangan Undang-undang Di Malaysia : Undang-undang Islam Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Jilid ke-13. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007.

Nehaluddin Ahmad, " Islamic Law Of Evidence And The Merit of Women Witnesses: An Overview", [2010] 1 MLJ xcii-cii.

Ruzman Md. Noor, "Kajian Semula Terhadap Undang-undang Keterangan Islam". Prosiding Seminar Semakan Semula Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Keperluan Dan Cabaran, IKIM. 1-2 April 2008. April 1-2, 2008 .

- _____. "Kedudukan Bayyinah, Syahadah dan Qarinah Dalam Penggubalan Undang-undang Keterangan Islam Di Malaysia", *Jurnal Syariah* 16 (2008):345-366.
- _____. "Kesaksian Dalam Konteks Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Dari Perspektif Mazhab Syafie", *Jurnal Fiqh* 5 (2008): 143-167.
- Sahih Muslim. Kaherah: Dar al-Hadith, 2001.
- Siti Hajar Mohd. Yasin, "Evidence of A Minor: A Comparative Study Of The Islamic And Sivil Law" [1995] 2 CLJ i-xi.
- Siti Zalikhah Md. Nor et al. *Al-Syariah : Undang-undang Keterangan Islam*. Jilid ke-3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2006.
- The Mejelle*. terj. C.R. Tyser. D.G. Demetriades & Ismail Haqqi Effendi. Petaling Jaya: The Other Press,t.t.
- Yusuf Hamid al-'Alim. *Al-Maqasid al-'Ammah li al-Shari'ah al-Islamiyyah*. USA: The International Institute of Islamic Thought, 1991.
- Zulfakar Ramlee. "Kesaksian Wanita Antara Kebolehtenerimaan dan Kebolehpaksaan", *Jurnal Hukum* 26 (Jun 2008): 5-26.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.